

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	31 MARCH 2017

Najib hargai bantuan Duterte

UM - 31/3/2017

Oleh SYUKRI SHAARI dan
SITI NAIMAH MOHAMED

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 30 MAC

DATUK Seri Najib Tun Razak menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada Presiden Filipina, Rodrigo Duterte kerana banyak membantu membebaskan rakyat Malaysia yang diculik kumpulan Abu Sayyaf sejak Julai tahun lalu.

Perdana Menteri menjelaskan, bantuan yang diberikan oleh rakan sejawatnya itu mencerminkan keakraban hubungan antara Filipina dengan Malaysia.

Beliau turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), pasukan tentera Filipina, Wisma

Putra serta Kelab Putra 1Malaysia (KP1M) yang telah berusaha membawa pulang mangsa culik ke pangkuan keluarga.

“Saya bagi pihak kerajaan, rakyat Malaysia serta keluarga mangsa terlibat mengucapkan tertinggi-tinggi terima kasih kepada Duterte kerana saya tahu misi melepaskan tebusan ini atas usaha beliau.

“Beliau mahukan pelepasan ini bersempena dengan sambutan hari kelahirannya baru-baru ini. Usaha ini merupakan tanda keakraban hubungan Filipina dan Malaysia, terima kasih Duterte,” kata beliau dalam sidang akhbar di kediamannya di sini hari ini.

Terdahulu, Najib yang sedang bersiap untuk ke India tengah hari ini meluangkan masa menyambut tiga lagi rakyat Malaysia yang diculik lebih lapan bulan

lalu oleh kumpulan militan Abu Sayyaf di Sabah.

Perdana Menteri serta Presiden KP1M, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim beramah mesra kira-kira 40 minit dan mendengar pengalaman Fandy Bakran, 27; Mohd. Ridzuan Ismail, 33; dan Mohamad Jumadil Rahim, 24, sepanjang lapan bulan menjadi mangsa penculikan.

Pada Isnin lalu, Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor turut meluangkan masa bertemu dan mendengar sendiri pengalaman dua nelayan yang turut menjadi mangsa culik kumpulan Abu Sayyaf iaitu Tayudin Anjut, 46, dan Abdul Rahim Summas, 63.

Berkenaan dengan keadaan tiga mangsa culik berkenaan, Najib memberitahu mereka akan dimasukkan ke hospital untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dalam seha-

ri dua dan sekiranya didapati tiada sebarang masalah, ketiga-tiganya dibenarkan pulang ke pangkuan keluarga masing-masing.

Beliau juga berkata, mangsa-mangsa berkenaan ada menzahirkan hasrat mereka untuk menyertai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan ditugaskan di Zon Selamat Timur Sabah (Esszone).

“Saya telah menghubungi Datuk Seri Shahidan Kassim (Menteri di Jabatan Perdana Menteri) untuk mereka diberi tempat sebagai anggota Maritim Malaysia dan akan menjalani latihan dalam sedikit masa lagi.

“Mereka tunjukkan semangat, mereka tahu keadaan pulau-pulau di kawasan itu, jadi mahu sumbang kepada usaha kita tingkatkan keselamatan di Esszone,” jelas beliau.